

Sumbangan Ahmed Deedat dalam Ilmu Perbandingan Agama

AEMY ELYANI MAT ZAIN¹ & JAFFARY AWANG²

Abstrak

Disiplin ilmu perbandingan agama merupakan satu cabang ilmu Islam dan telah wujud sejak zaman para nabi terdahulu walaupun disiplin ini belum diberi nama sebagai perbandingan agama pada waktu itu. Kelangsungan disiplin ilmu ini berterusan dan melahirkan pelapis-pelapis kontemporari dalam ilmu perbandingan agama seperti Ahmed Deedat. Dalam hal ini, sejauh manakah sumbangan beliau dalam disiplin ilmu perbandingan agama sehingga mendapat perhatian kalangan sarjana Barat mahupun Islam. Maka, kertas kerja ini membincangkan sumbangan Ahmed Deedat dalam perbandingan agama. Metodologi kajian adalah kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa ketibaan ilmu perbandingan agama arus perdana kini merupakan salah satu kesan daripada sumbangan tokoh seperti Ahmed Deedat.

Kata kunci: Sumbangan, Ketokohan, Ahmed Deedat, Perbandingan agama

Pengenalan

Bidang perbandingan agama merupakan satu disiplin ilmu yang mendapat tempat bukan sahaja dalam kalangan para sarjana Islam tetapi juga para sarjana bukan Islam. Dalam perbincangan kalangan para sarjana Islam dan bukan Islam, mereka menyetengahkan beberapa tokoh-tokoh yang 'ahli' dalam bidang perbandingan agama ini. Tokoh-tokoh ini terbahagi kepada dua iaitu tokoh-tokoh perbandingan agama terdahulu atau klasik (classical scholar) dan tokoh kontemporari (contemporary scholar).

Ketokohan sarjana Islam terdahulu atau klasik telah membentuk dan menyerlahkan lagi disiplin ilmu perbandingan agama dalam kerangka pemikiran Islam. Ini boleh diteliti daripada pernyataan Haslina Ibrahim et al (2013) yang menyebut bahawa tokoh-tokoh seperti Ibn Hazm, Al-Shahrastani dan Al-Biruni berperanan dalam membentuk keintelektualan Muslim. Bahkan, Kamar Oniah (2004) turut mencatatkan beberapa sarjana Barat seperti Bruce Lawrence, Eric J. Sharpe, Arthur Jeffrey, Franz Rosenthal, Montgomery dan David Thomas yang mengakui keserjanaan tokoh-tokoh Muslim klasik dalam disiplin ilmu ini. Dalam hal ini menjelaskan bahawa khazanah ilmu Islam dalam ilmu perbandingan agama telah wujud lebih awal lagi sebelum munculnya tokoh-tokoh kontemporari.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Dari sudut kaedah pengumpulan data lebih bertumpu kepada data-data bertulis seperti kajian-kajian lepas dalam isu ini sama ada berbentuk buku-buku, makalah-makalah, tesis-tesis penyelidikan, laman sesawang dan akbar serta laporan berita. Seterusnya, bagi penganalisan data adalah menggunakan cara analisis dokumen bertulis.

¹ Calon PhD Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Email: aemyelyani@kuis.edu.my

² Ketua Jabatan dan Pensyarah Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, BANGI, Selangor, Malaysia. Email: jaffary@ukm.edu.my

Perbincangan

Seterusnya beralih kepada zaman kontemporari yang hakikatnya merupakan legasi dan rantaian daripada khazanah ilmu Islam terdahulu. Di dunia Islam mahupun Barat, tokoh-tokoh Islam kontemporari dalam disiplin ilmu perbandingan agama semakin mendapat perhatian dunia, antaranya ialah Ismail Raji Al-Faruqi, Ahmed Deedat, Yusuf Estes, Shabir Ally dan Zakir Naik.

Ahmed Deedat merupakan salah seorang tokoh yang berpengaruh dalam dunia Islam mahupun dunia Barat. Ketokohan beliau dalam disiplin ilmu perbandingan agama mendapat perhatian pelbagai pihak di seluruh dunia. Ini dapat dibuktikan oleh Muhammad Haron (2014) yang meneliti bahawa dakwah almarhum Ahmed Deedat ini bukan sahaja mendapat perhatian oleh rakan tauladan atau mereka yang mempunyai pandangan yang sama dengan beliau, tetapi juga mendapat perhatian daripada kelompok yang menentang beliau. Maka, dengan ini artikel ini membincangkan khusus mengenai sumbangan Ahmed Deedat sepanjang perjuangannya dalam disiplin ilmu perbandingan agama.

Latarbelakang Tokoh

Ahmed Hoosen Deedat nama sebenar bagi Ahmed Deedat yang mana telah dilahirkan pada 1 Julai 1918M bersamaan 22 Ramadhan 1336H (Ahmed Deedat: 2011; Rym Aoudia: 2005; Goolam Vahed: 2005). Beliau yang berasal dari India kemudian berhijrah ke Afrika Selatan dan tinggal bersama bapanya pada tahun 1927 (Rym Aoudia: 2005; Goolam Vahed: 2005). Perjalanan hidup beliau adalah unik dan mengagumkan kerana beliau yang berasal daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan tidak mendapat pendidikan formal tetapi akhirnya beliau telah mencipta nama dan mengembangkan dakwah khususnya dalam bidang perbandingan agama.

Dari sudut pandang lain, jelas dilihat pada awal kehidupannya, beliau telah dididik supaya berdikari dalam pencarian ilmu. Ini boleh dilihat daripada kecekalan beliau berjalan kaki untuk berulang alik dari rumah ke sekolah dan pembelajaran formal di sekolah hanya berlaku zaman kanak-kanak sahaja di sebabkan kekangan kewangan. (Rafiq Ahmad et al 2015). Seterusnya pada usia remaja, beliau telah mengenal erti kehidupan sebenar dan cabarannya sebagai seorang Muslim. Bermula dengan dunia pekerjaan sebagai penjaga di sebuah kedai Muslim yang berdekatan dengan pusat latihan mubaligh Kristian, beliau dan rakan-rakan Muslim di asak-asak dengan serangan dan salah faham terhadap Islam. Antara isu-isu yang dilontarkan oleh golongan mubaligh Kristian di pusat latihan itu seperti Islam disebarkan dengan pedang, Nabi Muhammad s.a.w mempunyai isteri yang ramai dan kitab Nabi Muhammad s.a.w sebenarnya salinan daripada kepunyaan Yahudi dan Kristian (Rafiq Ahmad et al 2015). Maka, di sini bermulanya Ahmed Deedat mencari-cari jawapan bagi membetulkan kembali salah faham yang dilontarkan oleh mubaligh Kristian sehingga beliau telah menemui kitab "Izhar al-Haq" karangan Rahmatullah Kairanvi, tahun 1864 (Samadia Sadouni 2013).

Idealisme Ahmed Deedat dalam Perbandingan Agama

Pertemuannya dengan kitab ini membuka ruang kepadanya untuk mendalami dan menekuni isu-isu yang dibincangkan. Bahkan beliau menjadikan kitab ini sebagai sumber penting perjuangan dakwah di dalam disiplin ilmu perbandingan agama ini. Ini seiring dengan pernyataan (Samadia Sadouni 2013) yang menyatakan bahawa kerangka pemikiran Ahmed Deedat telah terbentuk kesan daripada penemuannya dengan kitab Izhar al-Haq. Pendek kata, kitab ini membina idealisma Ahmed Deedat daripada seorang yang Muslim biasa kepada seorang sarjana Muslim dalam ilmu perbandingan agama.

Kesarjanaan beliau bukan sahaja diperakui di dunia Islam tetapi juga diperakui di dunia Barat. Ini jelas dilihat daripada kepelbagaian gelaran yang digunakan oleh para sarjana yang mengkaji tentang beliau; antara panggilan Ahmed Deedat ialah *Muslim apologist*, *da'wagandist*, *Islamic preacher*, *popular Muslim cleric*, *Muslim scholar*, *Muslim writer*, *Muslim theologian*, *South Africa Muslim leader*,

prominent Islamic leader, President of IPCI, eloquent South African imam, Shaykh / Sheikh, anti-Jewish Shaykh, aggressive sophist dan Muslim polemicist (Richard Michael Croft : 2008). Ini jelas menggambarkan susuk tubuh insan yang bernama Ahmed Deedat merupakan tokoh yang disegani. Gelaran-gelaran ini diberikan oleh para sarjana dunia Islam dan dunia Barat adalah mengikut kerangka kefahaman masing-masing dalam menilai tokoh ini. Namun, majoriti sarjana ini mengiktiraf bahawa Ahmed Deedat sebagai tokoh Islam dalam ilmu perbandingan agama.

Pandangan Sarjana tentang Ketokohan Ahmed Deedat

Terserlahnya ketokohan seseorang dalam bidang kepakarannya ialah melalui apa yang ditonjolkan oleh sarjana terkemudian mengenai tokoh tersebut. Begitu juga Ahmed Deedat yang mendapat perhatian khususnya dalam membicarakan ilmu perbandingan agama. Terdapat beberapa sarjana sama ada dari dunia Islam atau dunia Barat berminat mengkaji ketokohan Ahmed Deedat kerana kepakaran beliau menggunakan ilmu perbandingan agama ini dalam berhujah dengan agama lain khususnya agama Kristian. Dalam erti kata lain, pendekatan Ahmed Deedat dalam berdialog dan berhujah dengan tokoh agama Kristian seolahnya Ahmed Deedat lebih menguasai dan memahami agama Kristian itu sendiri berbanding tokoh agama Kristian itu sendiri. Ini boleh dilihat daripada tulisan Brian Lark (2008) seorang sarjana Barat yang menjelaskan bahawa kepakaran Ahmed Deedat menonjol melalui caranya *speaking as a Muslim in a Christian style, displaying greater biblical erudition his Christian opponents and performatively presencing Christianity in both its religious and secular guises*.

Ketokohan beliau di dalam ilmu perbandingan agama mencerminkan sikap dan pendirian beliau yang berprinsip dan adil dalam berhujah dengan tokoh agama lain. Prinsip yang menjadi pegangan beliau ialah mengambil dan menekuni kitab suci agama lain bukan menekuni amalan dan sikap penganut agama tersebut. Ini kerana amalan dan sikap penganut agama tidak mencerminkan ajaran dan anjuran di dalam agama tersebut melainkan penganut agama ini betul-betul memahami apa yang terkandung di dalam kitab suci agama mereka dan mereka menerima sepenuhnya apa yang dianjurkan di dalam agama mereka. Oleh sebab itulah, tema-tema yang menjadi fokus Ahmed Deedat di dalam bidang ilmu perbandingan agama ialah kitab suci agama (scripture) dan doktrin agama itu sendiri. Antara contoh yang jelas boleh dilihat seperti *Is the Bible God's Word? Al-Quran: The Miracle of Miracles, What is His name?, Christ in Islam dan Muhammad: The Natural Successor to Christ* (David Westerlund 2003). Perkara ini turut diakui oleh Samadia Sadouni (2013) yang menjelaskan bahawa ungkapan atau tema yang menjadi tumpuan Ahmed Deedat adalah *theological tools*.

Dari sudut pandang lain, sikap yang berprinsip dan tegas dalam berhujah juga mencerminkan kepimpinan Ahmed Deedat seperti seorang pemimpin politik di hadapan lawannya. Dalam masa yang sama, beliau juga dilihat sebagai wakil bagi umat Islam di Afrika yang mempertahankan agama Islam yang ketika itu dikritik dan diancam oleh para mubaligh Kristian. Dalam erti kata lain, Ahmed Deedat antara tokoh yang berani mempertahankan kebenaran iaitu agama Islam ketika mana Islam di Afrika pada waktu itu berada dalam satu yang terasing. Ini jelas dibuktikan apabila Muhammed Haron (2014) menyebut bahawa Nelson Mandela (1918-2013) dan Ahmed Deedat (1918-2005) yang asalnya dikenali sebagai pelarian politik tetapi kemudiannya mencipta nama menjadi tokoh pendakwah yang di kagumi di Afrika bahkan di dunia luar.

Dalam pada itu, peribadi yang berprinsip dan berpendirian tegas dalam menekuni serta membahaskan ilmu perbandingan agama turut meletakkan beliau sebagai seorang yang berpolemik dan suka berdebat dengan tokoh agama lain untuk mendapatkan kemenangan. Ini boleh dilihat daripada dakwaan David Westerlund (2003) menjelaskan bahawa Ahmed Deedat adalah Muslim fundamentalis atau Islamis yang merupakan seorang berfikiran bebas untuk memenangi apa yang dirinya ingin capai. Bahkan dalam masa yang sama, Islam di Afrika iaitu pada zaman hidup Ahmed Deedat berada dalam kelompok minoriti dan tertindas serta majoriti negeri-negeri di Afrika Selatan diduduki oleh penganut agama Kristian (David Westerlund 2003). Maka dengan faktor sedemikian menyebabkan Ahmed Deedat kelihatan tegas pada waktu itu.

Berdasarkan hujahan-hujahan mengenai ketokohan Ahmed Deedat di dalam ilmu perbandingan agama menjelaskan bahawa Ahmed Deedat merupakan figura yang berada dalam kategori sarjana muslim *purposive* dalam disiplin ilmu perbandingan agama. Tokoh *purposive* dalam disiplin ilmu perbandingan agama yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah kesarjanaan yang utama dan primer menjadi penumpuan seseorang tokoh itu dalam bidang ilmu itu. Dari segi sifat dan kriteria bagi kesarjanaan *purposif* juga telah diperincikan melalui artikel tulisan Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali et al (2017) menyebut kesarjanaan *purposif* bersifat tekun, fokus, sistematik kepada kitab suci atau risalah agama secara terus dalam pengkajian bidang itu. Bahkan mereka dalam golongan ini juga seolahnya mendambakan diri sepenuhnya menekuni bidang itu.

Selain itu, pendekatan dan cara Ahmed Deedat dalam dakwahnya menerusi ilmu perbandingan agama juga telah mengukuhkan lagi kesarjanaan beliau dalam kategori *purposif* yang bercirikan pendekatan seperti *disputative*, *polemical* dan *apologetic* seperti yang diujahkan oleh sarjana sebelum ini. Ini kerana pendekatan dan cara ini mencerminkan betapa analitikal dan seriusnya beliau apabila berbicara dalam bidang ini. Dan ini menyalahi dan tidak menepati dengan mendakwa bahawa Ahmed Deedat seorang fundamentalis yang mempertahankan agama dan pemikirannya. Bahkan jika ditelusuri dalam tradisi ilmu Islam, terdapat juga sebahagian tokoh Islam seperti Al-Biruni, Imam Shahrastani, Ibnu Taymiyyah dan Ibnu Hazm juga menggunakan salah satu daripada pendekatan di atas. Contohnya, kitab *al-Radd 'ala al-Nasara* oleh Abu Isa al-Warraaq, d.994, kitab *al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal* oleh Ibnu Hazm dan kitab *al-Jawab al-Sahih li man baddala al-Din al-Masih* oleh Ibnu Taymiyyah, d.1328 merupakan kitab-kitab yang berbentuk *disputative* atau kontroversi (Wan Mohd Fazrul Azdi et al 2017). Maka, jelaslah di sini bahawa dalam kerangka ilmu Islam, pendekatan sebegini mencerminkan pendirian Islam yang bukan untuk mempertahankan Islam tetapi untuk menjelaskan kebenaran berlandaskan kitab-kitab suci dan doktrin agama itu sendiri.

Sumbangan Ahmed Deedat dalam Ilmu Perbandingan Agama

Setelah meneliti ketokohan Ahmed Deedat dalam ilmu perbandingan agama yang telah dibincangkan oleh beberapa tokoh sarjana Barat dan Islam yang berhujah mengikut perspektif masing-masing. Seterusnya akan membincangkan beberapa sumbangan utama Ahmed Deedat khususnya dalam disiplin ilmu perbandingan agama. Antara sumbangan yang dibincangkan ialah syarahan umum, karya penulisan, gerakan dakwah Islamiyyah, protégé (legasi).

Syarahan Umum

Sumbangan besar Ahmed Deedat yang mendapat perhatian dunia luar adalah melalui syarahan. Syarahan umum yang sering dilakukannya adalah berbentuk dialog antara agama terutamanya tokoh-tokoh daripada agama Kristian dan sebahagian lain syarahan yang bersifat komunikasi sehalu yang diselangi dengan sesi soal jawab kalangan orang awam. Detik pertama beliau menyampaikan ceramah secara terbuka mengenai kehidupan Rasulullah saw pada tahun 1942 di Avalon Theatre (Ghulam Vahed 2013). Antara ceramah dan syarahan yang pernah beliau sampaikan seperti *Islam and other religions*, *Christ in Islam*, *What the Bible says about Muhammad saw*, *Is Jesus God?* dan *Quran and The Bible*. Sehubungan dengan itu, syarahan ini bukan berlaku setempat sahaja tetapi juga Ahmed Deedat turut jelajah ke merata tempat termasuk Malaysia untuk memberikan syarahan. Ini boleh dibuktikan daripada tulisan Rafiq Ahmad et al (2015) yang menjelaskan bahawa Ahmed Deedat pernah ke Malaysia bagi menyampaikan syarahan umum di Dataran Merdeka Kuala Lumpur pada 21 Februari 1992. Maka di sini jelas menunjukkan dakwah melalui syarahan umum memberikan impak yang tinggi kepada penduduk Islam di dunia dalam memahami ilmu Islam khususnya ilmu perbandingan agama.

Tambahan lagi, beliau turut aktif berdialog secara langsung dengan pemuka-pemuka Kristian yang berpengaruh. Antaranya dialog dan debat Ahmed Deedat dengan *pemuka-pemuka Kristian ialah Is the Bible God's Word; Jimmy Swaggart (USA), Is Jesus God? dan Quran or the Bible which is God's word?*; Anis Shorosh (UK), *Crucifixion –Fact or fiction?*; Dr.Robert Douglas (*University of Kansas*), *Is Jesus God?*; Eric Bock (Denmark), *Is the Bible true word of God? dan Is Jesus God?*; Pastor Stanley Sjoberg (Stockholm), *Was Christ Crucified?*; Dr.Floyd E.Clark (London), *Was Christ Crucified?*; Wakefield (Kanada), *Islam and Christianity*; Dr.Garry Miller (Rafiq Ahmad etal 2015) . Dalam hal ini, jelas menunjukkan perkara asas dan sumbangan utama Ahmed Deedat dalam hidupnya adalah melalui ceramah, syarahan umum dan dialog sebegini. Ini kerana, perjuangan ini telah beliau mulakan sebelum ditubuhkan gerakan dakwah itu sendiri dan juga penulisan-penulisan juga berlaku selepas itu. Buktinya daripada pernyataan David Westerland iaitu *since the beginning, however, the lecture program of Deedat himself, which included not only actual lectures but also debates and symposiums was a cornerstone* (2003).

Secara umum, perjuangan Ahmed Deedat dalam dakwah khususnya syarahan umum sebegini mempamerkan pendirian dan sikap yang serius beliau terhadap ilmu perbandingan agama. Ini boleh dibuktikan dengan tema-tema syarahan beliau ke arah teologi dan kitab-kitab suci antara agama terutamanya agama Kristian. Selain itu, melalui syarahan umum juga menonjolkan pendekatan beliau dalam berdialog dan berceramah iaitu pendekatan yang bersifat *disputative, polemical* dan *apologetic*. Dalam hal ini, pendekatan ini tidaklah keterlaluan dan melampau seperti yang dimomokkan oleh sarjana Barat terhadap beliau. Ini kerana pendekatan beliau dalam ilmu perbandingan agama ini hampir menyamai dengan sikap dan pendirian tokoh-tokoh Islam perbandingan agama yang terdahulu. Dalam erti kata lain, pendekatan Ahmed Deedat ini berada dalam kategori keserjanaan purposive (Wan Mohd Fazrul Azdi etal 2014). Bahkan dari sudut pandang Islam, Al-Quran turut bertegas dalam berbicara soal akidah Islam yang mana tiada kompromi bahkan tiada persamaan akidah antara agama Islam dan selainnya.

Karya Penulisan

Selain itu, Ahmed Deedat juga aktif berkarya khususnya dalam bidang yang bertemakan Islam dan perbandingan agama ini. Karya-karya beliau melebihi daripada 10 buah karya dan melalui karya-karya ini juga menunjukkan keprihatinan dan perancangan yang sistematik beliau dalam menyampaikan dakwah melalui metod perbandingan agama ini. Ini kerana, beliau telah meninggalkan khazanah ilmu yang bernilai kepada umat Islam masa kini. Antara karya-karya beliau ialah *Al-Quran-the miracle of miracles, Arab and Israel-conflict or conciliation? Can you stomach the best of Rushdie?, Christ in Islam, Is the Bible God's word?, What the Bible says about Muhammad saw, Crucifixion or crucifixion?, Muhammad saw-the natural successor to Christ, Resurrection or resuscitation?, Was Jesus crucified, What is his name? dan Islam's answer to the racial problem* (<https://www.thriftbooks.com/a/ahmed-deedat/2253097/>). Jelas di sini menunjukkan sebahagian besar karya-karya Ahmed Deedat ini mengarah kepada bidang perbandingan agama dan kesannya boleh dilihat pada hari ini yang mana karya-karya ini masih diteruskan cetakannya oleh beberapa badan yang menumpukan dakwah melalui ilmu perbandingan agama. Dan yang lebih jelas membuktikan bahawa bahan-bahan perbandingan agama yang beliau karyakan ini masih relevan dan boleh diaplikasikan juga dalam konteks Malaysia.

Gerakan Dakwah Islamiyyah

Membina jemaah melalui satu gerakan merupakan satu sunnah yang diajarkan oleh baginda saw. Seolahnya seperti satu unit yang kecil yang berkembang menjadi unit yang besar dan seterusnya menjadi kukuh dan kuat serta tersebar luas. Ini boleh dilihat pada zaman Rasulullah saw ketika hijrahnya ke Madinah baginda telah mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar serta

membina institusi masjid. Fungsi masjid itu bukan sekadar tempat ibadat tetapi tempat menyampaikan ilmu seperti wujudnya sistem usrah dan halaqah (Ahmad Mohd Salleh 2011). Di masjid, para sahabat berkumpul dan mengelilingi Rasulullah saw yang berkhotbah dan berlaku juga sesi soal jawab antara mereka mengenai perkara-perkara yang berbangkit (Ahmad Mohd Salleh 2011). Oleh yang demikian, jelas kelihatan wujudnya rantaian ilmu yang ditinggalkan oleh baginda saw dalam memastikan risalah Islam itu tidak terhenti sekalipun baginda saw wafat.

Begitulah juga keadaan yang dilakukan oleh Ahmed Deedat dan rakan-rakannya. Mereka memilih untuk menubuhkan gerakan Islam setelah mana ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan mereka mendapat pengaruh ramai pada masa itu. Maka, pada 17 Mac 1957, Ahmed Deedat bersama-sama rakannya mengadakan pertemuan bagi membincangkan khusus mengenai gerakan ini (Goolam Vahed 2013). Setelah perbincangan dan syura dilakukan antara Ahmed Deedat dan rakan-rakan, maka tertubuhlah Islamic Propagation Centre (IPC) secara rasmi pada 7 September 1959 yang mana G.H. Vanker adalah presiden manakala Ahmed Deedat pula setiausaha (Riaz Cassim Jamal 1991). Kewujudan gerakan ini telah menambahkan keyakinan minoriti Muslim dan juga penyebaran Islam di Afrika semakin meningkat. Bahkan aktiviti dan program gerakan ini juga berkembang ke seluruh dunia (Rym Aoudia 2005). Penubuhan gerakan dakwah ini tujuan utamanya ialah membetulkan salah faham dan mematahkan serangan golongan-golongan mubaligh Kristian yang cukup kuat pada waktu itu (David Westerlund 2003). Ini jelas menunjukkan komitmen Ahmed Deedat begitu serius terhadap ilmu perbandingan agama. Bahkan, melalui IPC, Ahmed Deedat mencurahkan titik peluhnya dengan bergerak semakin aktif dalam pelbagai bentuk syarahan, dialog dan sebagainya. Ini boleh dilihat sekitar tahun 1980an dan 1990an, Ahmed Deedat mengunjungi beberapa negara untuk berdialog dan berdebat dengan rakan lawannya terutamanya kalangan mubaligh dan wakil-wakil terpengaruh dalam agama Kristian.

Protégé (Legasi)

Seterusnya sumbangan terakhir Ahmed Deedat yang telah beliau tinggalkan kepada dunia Islam ialah protégé atau anak didik. Dalam erti kata lain, beliau meninggalkan legasi atau pelapis dalam ilmu perbandingan agama yang jarang berlaku kalangan tokoh-tokoh Islam. Ini kerana akhir umur beliau ketika itu 87 tahun dan beliau menghadapi stroke yang tidak boleh bercakap dan lumpuh badan yang turut mengambil tempoh lama sebelum menghembuskan nafas terakhir. Namun, beliau berjaya melahirkan protégé daripada generasi awal sebelum beliau meninggal dunia. Kemudian daripada generasi awal itu telah meneruskan perjuangan dalam ilmu perbandingan agama sehingga melahirkan protégé dan juga generasi terkemudian sehingga inti pati ilmu perbandingan agama itu kekal sehingga kini. Protégé terawal yang dapat dikesan yang menuntut secara langsung dengan Ahmed Deedat ialah Zakir Naik yang juga kelahiran dari India dan merupakan seorang doktor perubatan. Beliau mula bergiat aktif dalam arena dakwah sekitar 1990an setelah mendapat inspirasi dan didikan daripada Ahmed Deedat yang bermula pertemuan mereka pada tahun 1987 (Zakiyah Habibah 2015).

Zakir Naik yang pada awalnya sebagai doktor beranggapan bahawa professional itu dapat menyelamatkan umat manusia, akan tetapi beberapa lama kemudian beliau menyedari bahawa ada perkara yang lebih utama lagi dalam menyelamatkan umat manusia (Shakirshuvo 2009). Oleh kerana itulah, beliau bertukar professional daripada seorang doktor kepada seorang pendakwah.

Penglibatan awal beliau sebagai pendakwah dalam ilmu perbandingan agama setelah berguru dengan Ahmed Deedat, bahkan lebih berkembang apabila beliau menubuhkan Islamic Research Foundation. Sebagai protégé langsung dengan Ahmed Deedat, beliau dikatakan sebagai 'Deedat plus' (Geoffrey Samuel et al 2010; Zakiyah Habibah 2015) kerana pendekatan dan metodologi dakwah yang digunakan mirip Ahmed Deedat.

Bahkan dikatakan akrabnya hubungan Zakir Naik dengan gurunya, Ahmed Deedat jelas menonjol daripada keprihatinan Zakir Naik menziarahi Ahmed Deedat yang ketika itu telah jatuh

sakit iaitu stroke. Kesungguhan beliau cuba merawat kembali gurunya Ahmed Deedat yang lumpuh dan tidak boleh bercakap terjelma apabila beliau menyiarkan video-video syarahan terutamanya syarahan yang melibatkan ilmu perbandingan agama yang beliau menuntut dengan gurunya itu (Shakirshuvo 2009). Ini jelas menunjukkan betapa akrab dan kukuhnya hubungan seorang guru dan anak didiknya yang dizarahi walaupun seorang guru itu telah jatuh sakit dan tidak mampu berbuat apa-apa. Bahkan ramai menganggap Zakir Naik sebagai tokoh pengganti Ahmed Deedat (Mohammad Qayyum 2016 ; Ibrahim Abdullah 2016) khususnya dalam bidang perbandingan agama ini.

Tambahan lagi, aura seorang guru dan anak didik generasi awal antara Ahmed Deedat dan Zakir Naik ini diteruskan dan rantaian ilmu ini bersambung apabila Zakir Naik membuka ruang yang lebih terbuka bagi dunia Islam untuk mendapatkan latihan secara langsung daripada beliau khususnya dalam bidang perbandingan agama. Hasil daripada sayap dakwah melalui ilmu perbandingan agama ini terbuka, maka beberapa orang rakyat Malaysia mengambil peluang untuk menuntut dan mendapatkan latihan terus daripada tokoh perbandingan agama ini antaranya Kamarudin Abdullah yang merupakan pengasas dan pengerusi Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa atau lebih dikenali *Islamic Propagation Society International* (IPSI), Shah Kirit Kakulal Govindji yang merupakan pengasas dan pengerusi *Global UNITY Network* dan seterusnya Firdaus Wong Wai Hung yang merupakan pengasas dan pengerusi *Multiracial Reverted Muslims* (MRM). Ini boleh dilihat kenyataan IPSI yang menyebut bahawa Kamarudin Abdullah pernah menuntut ilmu dengan beberapa sarjana Islami terkemuka termasuklah Ahmed Deedat (<http://www.ipsi.com.my/about-ipsi/the-founder-president/>). Begitu juga, Shah Kirit dan Firdaus Wong juga pernah dikatakan berguru dengan Zakir Naik sebelum ini.

Jelas di sini berlakunya kesinambungan tradisi ilmu khususnya dalam perbandingan agama yang dimulai hanya cetusan kitab seorang tokoh sarjana dari India, iaitu Syeikh Muhammad Rahmatullah bin Khalil atau lebih dikenali Syeikh Rahmatullah al-Kairanawi yang mempunyai keturunan sahabat Nabi Muhammad SAW dan juga khalifah Islam ketiga iaitu Sayidina Uthman bin Affan RA (Wan Haslan Khairuddin etal 2013) yang telah ditekuni oleh Almarhum Syeikh Ahmed Deedat, kemudiannya legasi ilmu diteruskan kepada Zakir Naik. Bahkan perkembangan ilmu perbandingan agama semakin meluas dan sampai ke Malaysia sehingga mereka ini bergiat aktif menyebarkan dakwah dalam organisasi masing-masing.

Cadangan dan Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menggambarkan beberapa aspek tentang tokoh yang dikaji ini sama ada dari sudut pandang sarjana Barat dan Islam tentang ketokohan Ahmed Deedat dalam ilmu perbandingan agama. Kepakaran beliau dalam bidang ilmu ini tiada yang menafikannya, bahkan beliau dikatakan termasuk dalam kategori tokoh purposif yang sepenuhnya dalam ilmu perbandingan agama. Sikap seorang tokoh purposif dalam tujahan bidang ilmunya boleh dilihat daripada sumbangan tokoh tersebut khusus dalam tujahan ilmu kepakarannya sehingga mampu melahirkan legasi terkemudian.

Sehubungan hal ini juga, penulis meneliti dan mencadangkan beberapa keperluan kajian selanjutnya dilakukan bagi mengagaskan dan mendukung ilmu perbandingan agama ini di Malaysia. Pertama; keperluan mengkaji susur galur secara tuntas legasi ilmu perbandingan agama oleh Ahmed Deedat dan Zakir Naik sampai kepada beberapa orang aktivis dakwah di Malaysia. Kedua; kajian lanjut perlu dilakukan dalam meneliti dari segi perbandingan pendekatan dan metodologi beberapa orang aktivis dakwah Malaysia ini dengan para guru mereka dalam ilmu perbandingan agama. Ketiga; perlunya mengkaji kemungkinan wujudnya kepelbagaian pendekatan dan metodologi dakwah melalui ilmu perbandingan agama yang diaplikasikan oleh aktivis dakwah yang berguru secara langsung dengan kedua tokoh ini atau aktivis dakwah yang bukan daripada legasi Ahmed Deedat dan Zakir Naik tetapi mereka juga menggunakan ilmu perbandingan agama dalam organisasi dakwah mereka.

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa sumbangan Ahmed Deedat dalam ilmu perbandingan agama mempunyai kesan dan pengaruhnya tersendiri dan sedikit sebanyak negara

Malaysia juga mendapat pengaruh ilmu itu daripada Ahmed Deedat dan Zakir Naik untuk pengamalan dakwah perbandingan agama di Malaysia.

Rujukan

- Ahmed Deedat. Terj. Norhawanis Othman. 2011. *The Choice: Dialog Islam & Kristian*. Selangor : Kharisma Network Sdn.Bhd.
- Brian Larkin (2008). Ahmed Deedat and the form of Islamic Evangelism dalam *Social Text* 96, vol.26, no.3 hlm.101-121.
- David Westerlund (2003). Ahmed Deedat's Theology of Religion: Apologetics through Polemics dalam *Journal of Religion in Africa*, 33.3, hlm.263-278.
- Geoffrey Samuel dan Santi Rozario (2010) Contesting science for Islam: the media as a source of revisionist knowledge in the lives of young Bangladeshi dalam *Contemporary South Asia*, vol.18, no.4, Disember, hlm.427-441.
- Ghulam Vahed (2013) Shaykh Ahmad Husayn Deedat. Akses: <https://hayatalulama.wordpress.com/2013/12/02/shaykh-ahmad-husayn-deedat/> (220618)
- Goolam Vahed. 2005 Obituary : Ahmed Hoosen Deedat (1918-2005). *Annual Review of Islam in South Africa*, Issue no.8, December. Hlm.81-84.
- Haslina Ibrahim (2013) Ilmu Perbandingan Agama: Sejarah dan Keperluannya dalam konteks semasa dalam *Dakwah: Jendela Pemikiran Ummah*, isu Mei/Jun, hlm.61-62.
- Ibrahim Abdullah. 2016. Pemikiran Dr.Zakir dan Ahmed Deedat. 17 April. <http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/pemikiran-dr-zakir-dan-ahmed-deedat-1.510476> (290817).
- Kamar Oniah Kamaruzaman(2004) Muslim legacy in Comparative Religion (*Journal of Islam in Asia*, Issue 1.June 2004. hlm.450-481)
- Mohammad Qayyum bin A. Badaruddin. 2016. Dr. Zakir Naik Tidak Merbahaya: Pencetus Fenomena Faham Perbandingan Agama. CASAMAS Enterprise: Kuala Lumpur.
- Muhammed Haron. 2014. Ahmed Deedat: The Making of a Transnational Religious Figure. *Journal for the Study of Religion* 27,2. Hlm. 66-93.
- Rafiq Ahmad & Haroon Idrees. 2015. The Life and Works of Ahmed Deedat: A Muslim Scholar of Christian Bible dalam *Al-Idah* 31 (December). Hlm.159-179.
- Richard Michael Croft. 2008. 'Word of God' in the Thought of Ahmed Deedat. MTh Thesis in Ecumenics, Faculty of Theology Department of Systematic Theology. Finland : University of Helsinki.
- Rym Aoudia. 2005. Deedat: A Life Dedicated to Da'wah. *I-Mag Magazine (Intellectual Sections)* December. Akses: <http://www.i-mag.org/intellectual-sections/pinnacle/148-deedat-a-life-dedicated-to-dawah.html> (4 September 2017).
- Samadia Sadouni. 2013. Ahmed Deedat, Internationalisation and Transformations of Islamic Polemic. *Journal of Religion on Africa* 43. Hlm.53-73.
- Shakirshuvo (25 Jan 2009). How Deedat made me Daaee-Dr.Zakir Naik dalam <https://www.youtube.com/watch?v=nUL7YrvMqLs> (akses: 290618).
- The Founder & President. Islamic Propagation Society International (IPSI). <http://www.ipsi.com.my/about-ipsi/the-founder-president/> (akses: 26102017)
- Thriftbooks. Ahmed Deedat (2018) Akses: <https://www.thriftbooks.com/a/ahmed-deedat/2253097/> (270618)
- Wan Haslan Khairuddin, Indriaty Ismail dan Jaffary Awang (2013) Metode Kritikan al-Kairanawi terhadap Bible berdasarkan Analisis Kitab Izhar al-Haq. Dalam *International Journal of Islamic Thought*. Vol.4 (Dec), hlm.65-73.

- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali (2017). Watt's view on Muslim Heritage in the study of Other Religion: A critical analysis dalam *Al-Itqan*, vol.1, issue 1, December, hlm.21-42.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohd Rosmizi Abd Rahman dan Jaffary Awang (2014) Muslim Heritage in Religionswissenschaft: A Preliminary Study on the Purposiveness & the Non-Purposiveness of Muslim Scholarship dalam *Journal of Islamic Studies and Culture*, June 2014, Vol.2, No.2, hh.1-18
- Zakiyah Habibah (2015). A Connotative Meaning Analysis on the Debate between Dr. Zakir Naik and Pastor Henry Pio. English Language and Letters Department, Faculty of Humanities, Maulana Malik Ibrahim State Islamic University, Malang: Indonesia